

SURAH ORANG YANG BERSELMUT



Surah: 74 Juzuk: 29 Bil. Ayat: 56

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Wahai orang yang berselimut!
2. Bangunlah serta berilah peringatan.
3. Dan agungkanlah Tuhanmu.
4. Dan bersihkanlah pakaianmu.
5. Dan tinggalkanlah segala perbuatan keji.
6. Dan janganlah engkau memberi (sesuatu dengan bertujuan) mendapat balasan yang lebih banyak daripadanya.
7. Dan kerana Tuhanmu, bersabarlah.
8. Maka apabila sangkakala ditiup.
9. Maka itulah hari yang sangat sukar,
10. Bagi orang kafir, lagi tidak mudah (mengelak azabnya).
11. (Jangan engkau bimbang wahai Muhammad) biarkanlah Aku sahaja membalas orang (yang menentangmu) yang Aku sendiri telah menciptakannya.
12. Dan Aku jadikan baginya kekayaan yang melimpah.
13. Serta anak-anak (yang ramai) yang selalu bersamanya.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

يٰٓأَيُّهَا الْمُدَّثِّرُ ١

قُمْ فَأَنْذِرْ ٢

وَرَبِّكَ فَكَبِّرْ ٣

وَتِبْيَابِكَ فَطَهِّرْ ٤

وَالرِّجْرِجَ فَأَهْجُرْ ٥

وَلَا تَمَنَّ أَنْ تَسْتَكْبِرُ ٦

وَرَبِّكَ فَاصْبِرْ ٧

فَإِذَا نَفَخَ فِي النَّافُورِ ٨

فَذَلِكَ يَوْمٌ مَّيْذَنٌ يَوْمَ عَسِيرٍ ٩

عَلَى الْكَافِرِينَ عَيْبٌ لَّسِيرٍ ١٠

ذَرْنِي وَمَنْ خَلَقْتُ وَحِيدًا ١١

وَجَعَلْتُ لَهُ مَا لَمْ مَدُّوْا ١٢

وَبَيْنَ سُهُودًا ١٣

14. Dan Aku berikan baginya kelapangan (hidup) seluas-luasnya.
15. Kemudian dia ingin sekali agar Aku menambahnya.
16. Tidak sama sekali! Kerana sesungguhnya dia telah menentang ayat-ayat Kami (al-Quran).
17. Aku akan membebaninya dengan pendakian yang amat menyusahkan.
18. Sesungguhnya dia telah memikirkan dan menetapkan.<sup>(1)</sup>
19. Maka binasalah dia! Bagaimanakah dia berani mereka-reka (yang demikian)?
20. Sekali lagi, binasalah dia! Bagaimana dia berani mereka-reka (tuduhan-tuduhan itu)?
21. Kemudian dia merenung (memikirkan),
22. Lalu berwajah masam dan berkerut,
23. Kemudian dia berpaling (daripada kebenaran) dan menyombongkan diri.
24. Lalu dia berkata: «(Al-Quran) ini tidak lain hanyalah sihir yang dipelajari (daripada orang dahulu).
25. «Ini hanyalah kata-kata (rekaan) manusia».

وَمَهَّدْتُ لَهُ تَمْهِيدًا ﴿١٤﴾

فَتُرِيدُ أَنْ آتِيَهُ ﴿١٥﴾

كَلَّا إِنَّهُ كَانَ لِآيَاتِنَا عَنِيدًا ﴿١٦﴾

سَأَرْهُقُهُ صُعُودًا ﴿١٧﴾

إِنَّهُ فَكَّرَ وَقَدَّرَ ﴿١٨﴾

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿١٩﴾

فَقُتِلَ كَيْفَ قَدَّرَ ﴿٢٠﴾

فَنظَرَ ﴿٢١﴾

فَتَبَسَّ وَلَسَّ ﴿٢٢﴾

فَرَادَىٰ وَأَسْتَكْبَرَ ﴿٢٣﴾

فَقَالَ إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ يُؤْتَىٰ ﴿٢٤﴾

إِن هَذَا إِلَّا قَوْلُ الْبَشَرِ ﴿٢٥﴾

1 Mereka-reka pelbagai tuduhan terhadap al-Quran.

26. Kelak Aku akan memasukkannya ke dalam (neraka) Saqar.
27. Dan tahukah engkau apakah itu neraka Saqar?
28. Ia tidak meninggalkan dan tidak membiarkan.<sup>(1)</sup>
29. Yang menghancurkan dan membakar kulit manusia.
30. Di neraka itu ada sembilan belas (malaikat).
31. Dan yang Kami jadikan pengawal-pengawal neraka itu hanya (daripada kalangan) malaikat, dan (hikmah) Kami menentukan bilangan mereka itu hanya sebagai ujian bagi orang kafir, agar orang yang diberi kitab (Yahudi dan Nasrani) menjadi yakin, agar orang yang beriman akan bertambah imannya, dan agar orang yang diberi kitab dan orang yang beriman itu tidak ragu-ragu, dan agar orang yang dalam hatinya ada penyakit dan orang kafir berkata: «Apakah yang dikehendaki oleh Allah dengan (bilangan) ini sebagai suatu perumpamaan?» Demikianlah Allah menyesatkan sesiapa yang Dia kehendaki dan memberi hidayah kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut peraturanNya). Tiada yang mengetahui bilangan tentera

سَأَصْلِيهِ سَقَرٌ ﴿٢٦﴾

وَمَا أَدْرَاكَ مَا سَقَرٌ ﴿٢٧﴾

لَا تَبْقَى وَلَا تَذَرُ ﴿٢٨﴾

لَوْحَةٌ لِلْبَشَرِ ﴿٢٩﴾

عَلَيْهَا سِتْعَةَ عَشَرَ ﴿٣٠﴾

وَمَا جَعَلْنَا أَحْسَبَ النَّارِ إِلَّا الْمَلَائِكَةَ وَمَا جَعَلْنَا  
عِدَّتَهُمْ إِلَّا فِتْنَةً لِلَّذِينَ كَفَرُوا لِيَسْتَيْقِنَ الَّذِينَ  
أُوتُوا الْكِتَابَ وَيَزِدَّ الَّذِينَ آمَنُوا إِيمَانًا وَلَا يَرْتَابَ  
الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ وَالْمُؤْمِنُونَ وَلِيَقُولَ الَّذِينَ  
فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ وَالْكَافِرُونَ مَاذَا أَرَادَ اللَّهُ بِهَذَا  
مَثَلًا كَذَلِكَ يُضِلُّ اللَّهُ مَن يَشَاءُ وَيَهْدِي مَن  
يَشَاءُ وَمَا يَعْلَمُ جُودَ رَبِّكَ إِلَّا هُوَ وَمَا هِيَ إِلَّا  
ذِكْرَى لِلْبَشَرِ ﴿٣١﴾

1 Apa yang dilemparkan ke dalam neraka itu diazab sampai binasa, kemudian dikembalikan sebagaimana asalnya untuk diazab kembali.

Tuhanmu kecuali Dia sahaja.  
(Ingatlah) neraka itu tidak lain hanyalah menjadi peringatan bagi manusia.

32. Tidak!<sup>(1)</sup> Demi bulan.
33. Demi malam apabila ia berlalu.
34. Dan demi waktu subuh apabila ia mulai terang.
35. Sesungguhnya (Saqar) itu adalah salah satu (bencana) yang sangat besar.
36. Sebagai peringatan bagi manusia.
37. (Iaitu) bagi sesiapa di kalangan kamu yang ingin maju atau mundur.<sup>(2)</sup>
38. Setiap orang bertanggungjawab atas apa yang telah dilakukannya.
39. Kecuali golongan kanan,
40. (Mereka berada) di dalam syurga (yang penuh nikmat) mereka saling menyanyakan,
41. Tentang (keadaan) orang yang berdosa.
42. «Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke dalam (neraka) Saqar?»
43. Mereka menjawab: «Dahulu kami tidak tergolong orang yang mendirikan solat».

كَلَّا وَالْقَمَرَ ﴿٢٢﴾

وَاللَّيْلِ إِذَا دُبِرَ ﴿٢٣﴾

وَالصُّبْحِ إِذَا اسْفَرَ ﴿٢٤﴾

إِنَّهَا لِإِحْدَى الْكُبَرِ ﴿٢٥﴾

نَذِيرًا لِلْبَشَرِ ﴿٢٦﴾

لِمَنْ شَاءَ مِنْكُمْ أَنْ يَتَقَدَّمَ أَوْ يَتَأَخَّرَ ﴿٢٧﴾

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٢٨﴾

إِلَّا أَصْحَابَ الْيَمِينِ ﴿٢٩﴾

فِي جَنَّاتٍ يَتَسَاءَلُونَ ﴿٣٠﴾

عَنِ الْمُجْرِمِينَ ﴿٣١﴾

مَا سَأَلُوكُمْ فِي سَفَرٍ ﴿٣٢﴾

قَالُوا لَوْلَا نُنَّاكَ مِنَ الْمُصَلِّينَ ﴿٣٣﴾

1 "Tidak" adalah bantahan terhadap ucapan orang musyrik yang mengingkari hal-hal tersebut di atas.

2 Maju di sini ialah menerima peringatan dan mundur di sini ialah tidak mahu menerima peringatan.

44. «Dan kami tidak pernah memberi makan kepada orang miskin».
45. «Dan kami dahulu selalu memperkatakan perkara yang salah (mencela), bersama-sama orang yang memperkatakannya».
46. «Dan kami sentiasa mendustakan hari pembalasan».
47. «Sampai datang kepada kami kematian».
48. Maka tidak berguna kepada mereka sebarang syafaat (pertolongan) daripada pemberi syafaat itu.
49. Maka mengapa mereka berpaling daripada peringatan (Allah)?
50. Seakan-akan mereka sekawan keldai liar yang lari terkejut.
51. Melarikan diri daripada singa.
52. Bahkan setiap seorang daripada mereka ingin diberikan kepadanya lembaran-lembaran (kitab) yang terbuka (yang diturunkan dari langit untuk dibaca oleh mereka sendiri).
53. Tidak sama sekali! Sebenarnya mereka tidak takut pada hari akhirat.
54. Tidak sama sekali! Sesungguhnya al-Quran itu suatu peringatan.
55. Maka sesiapa yang mahu tentu dia mengambil pengajaran daripadanya.

وَلَوْلَا نَفْسُكَ نُطْعِمُ الْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾

وَكُنَّا نَخُوضُ مَعَ الْخَاطِبِينَ ﴿٤٥﴾

وَكُنَّا نَكْذِبُ يَوْمَ الدِّينِ ﴿٤٦﴾

حَتَّىٰ آتَانَا الْيَقِينَ ﴿٤٧﴾

فَمَا تَنْفَعُهُمْ شَفَاعَةُ الشَّافِعِينَ ﴿٤٨﴾

فَمَا لَهُمْ عَنِ التَّذْكَرَةِ مُعْرِضِينَ ﴿٤٩﴾

كَأَنَّهُمْ حُمُرٌ مُّسْتَنْفِرَةٌ ﴿٥٠﴾

فَرَّتْ مِنْ قَسْوَرَةٍ ﴿٥١﴾

بَلْ يُرِيدُ كُلُّ امْرِئٍ مِّنْهُمْ أَنْ يُؤْتَىٰ صُحُفًا مُّنشُورَةً ﴿٥٢﴾

كَلَّا بَلْ لَّا يَخَافُونَ الْآخِرَةَ ﴿٥٣﴾

كَلَّا إِنَّهُ تَذَكُّرٌ ﴿٥٤﴾

فَمَنْ شَاءَ ذَكَّرْهُ ﴿٥٥﴾

56. Dan mereka tidak akan mengambil pengajaran daripadanya melainkan jika Allah menghendakinya. Dialah Tuhan yang patut kita bertakwa kepadaNya dan yang berhak memberi keampunan.

وَمَا يَذْكُرُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ هُوَ أَهْلُ  
التَّقْوَىٰ وَأَهْلُ الْمَعْفَورَةِ ﴿٥٦﴾

